

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. EWON EBIN
[RANAU]**

TARIKH : 17.05.2016 (SELASA)

NO. SOALAN : 13

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:

- a) bila pihak Kerajaan bercadang untuk menaiktaraf jalan perhubungan desa bagi jalan-jalan berikut: i. Jalan Tompius - Tinanom ii. Jalan Miruru - Mangkadait iii. Jalan Gaba-Gana-Nampasan iv. Jalan Longut v. Jalan Pinawantai - Tibabar vi. Jalan Lobou Timbua - Kawiyan; dan
- b) sekiranya jalan-jalan tersebut belum disenaraikan untuk dinaiktaraf, bolehkah cadangan menaiktaraf jalan-jalan tersebut dapat dimasukkan dalam semakan separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11)

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini memahami keperluan infrastruktur masyarakat luar bandar terutamanya jaringan jalan raya yang selesa.

Dalam rekod Kementerian, kesemua projek yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tiada dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri yang dikemukakan kepada KKLW.

Sekiranya terdapat keperluan bagi menaik taraf jalan tersebut, dimohon Yang Berhormat untuk mengemukakan keperluan tersebut kepada Kerajaan Negeri sebagai senarai keutamaan dan pihak Kementerian kami akan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) menjalankan siasatan tapak dan semakan kos sebelum diangkat kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.